

See discussions, stats, and author profiles for this publication at: <https://www.researchgate.net/publication/334737005>

# Rasional dan Agama dalam Justifikasi Baik dan Buruk Menurut Immanuel Kant Rationality and Religion in Virtue and Vice Justification According to Immanuel Kant

Article · May 2015

CITATIONS

0

READS

70

3 authors, including:



**Othman M.A**

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

10 PUBLICATIONS 2 CITATIONS

[SEE PROFILE](#)



**Indriaty Ismail**

Universiti Kebangsaan Malaysia

11 PUBLICATIONS 5 CITATIONS

[SEE PROFILE](#)

Some of the authors of this publication are also working on these related projects:



Peranan Islamic Renaissance Front (IRF) Bagi Mengetengahkan Idea Islam Liberal [View project](#)



Reaksi Mahasiswa terhadap Kandungan Moral dalam "Buku Indie" di Malaysia [View project](#)

# Rasional dan Agama dalam Justifikasi Baik dan Buruk Menurut Immanuel Kant

## *Rationality and Religion in Virtue and Vice Justification According to Immanuel Kant*

Muhammad Atiullah Othman<sup>1</sup>, Indriaty Ismail<sup>2</sup> & Ibrahim Abu Bakar<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Pengajian Kemasyarakatan dan Kewarganegaraan,

Fakulti Sains Kemasyarakatan, Universiti Pendidikan Sultan Idris

<sup>2</sup>Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

e-mel: atiullah@upsi.edu.my

### Abstrak

Baik dan buruk dalam undang-undang moral dapat ditentukan sama ada melalui akal atau agama. Malah, baik dan buruk dapat dijelaskan melalui pemikiran rasional yang kritis atau pendekatan agama melalui ikutan arahan Tuhan dan amalan beragama. Perbincangan baik dan buruk ini difokuskan kepada pemikiran Kant melalui karya-karyanya sendiri dan tafsiran para pengkaji karya-karya Kant. Pelbagai kaedah kajian digunakan seperti metode induktif bagi menentukan idea-idea umum, metode deduktif bagi menjelaskan pandangan-pandangan Kant dan metode perbandingan bagi membandingkan pemikiran Kant dalam justifikasi rasional akal dengan justifikasi agama. Hasil kajian ini mendapati bahawa Kant mengutamakan justifikasi rasional akal berbanding justifikasi agama. Penerimaan Kant terhadap justifikasi rasional akal ini mempunyai syarat yang ketat selaras dengan konsep tugas dan “priori”. Sedangkan justifikasi agama dalam pemikiran Kant yang meletakkan syarat minimum iaitu hanya dapat diterima akal yang rasional dan selaras dengan undang-undang moral.

**Kata kunci** Baik dan buruk, etika, moral agama, tugas, kebaikan tertinggi

### Abstract

Virtue and vice in law of morality could be determined through reason or religion. In fact, both virtue and vice could be explained through rational and critical thought or religious approach through divine commands and religious practices. Discussions on virtue and vice are focused on Kant's thoughts which derived from his own works as well as studies on Kant's works by other scholars. Several research methods were utilized such as inductive method which is used to determine general ideas, while deductive method is used to explain Kant's views and comparative method is used for comparing Kant's thought on rational justification of reason with justification of religion. The results of this study found that Kant had given priority to rational justification as compared to religious justification. Rational justification that was accepted by Kant had to fulfill strict requirement in accordance with the concept of “duty” and “priori”. Whereas, on religious justification, minimum requirement was laid out that was acceptable to reasonable mind and in accordance with law of morality.

**Keywords** Virtue and vice, ethics, religious morality, duty, highest good

### Pengenalan

Pemikiran moral Kant menumpukan isu baik dan buruk menurut rasional dan agama. Kant menyediakan penjelasan moral dalam pelbagai cara, teori dan pendekatan bagi mengemukakan kandungan moral yang baik. Terdapat percanggahan pemikiran Kant apabila beliau mengemukakan idea falsafah moral yang menggunakan konsep tugas (*duty*) dan menggunakan konsep “priori” sekali gus menafikan matlamat

akhir sebagai sumber etika. Padahal Kant turut mengemukakan pendekatan agama dengan mewajarkan matlamat akhir yang dinamakan “kebaikan tertinggi”. Malah, ketika Kant menolak pemikiran Aristotle dan *eudemonist* (golongan bermatlamatkan kebahagiaan), beliau menolak sama sekali pendekatan matlamat menjustifikasikan moral. Namun, apabila Kant berbicara mengenai “kebaikan tertinggi” dalam agama Kristian, beliau mencadangkan agar moral menjadikan kebaikan tertinggi sebagai matlamat akhir. Kertas kerja ini menjelaskan Kant menerima pelbagai pendekatan moral bagi mengukuhkan kandungan moral serta menjustifikasikan baik dan buruk. Tambahan pula, Kant dianggap sebagai ahli falsafah moral terkemuka di Eropah yang turut mengajak kepada dokongan agama sebagai pendekatan moral. Apabila Kant berbicara mengenai pendekatan agama, Kant mengajak pemikiran rasional bagi menjustifikasikan pendekatan agama. Kant juga mengajak agar semua agama termasuk Kristian dinilai semula berdasarkan undang-undang moral yang universal bagi memastikan kepercayaan tahyul dapat disaring. Tujuan sebenar saranan-saranan Kant ini adalah bagi mengharmonikan pandangan agama dengan undang-undang moral agar pendirian akal dan agama yang rasional dapat dipertahankan.

### Konsep Kebaikan dalam Undang-undang Moral

Kant sendiri tidak mengemukakan definisi bagi baik dan buruk. Hanya para pengkaji tulisan beliau sahaja yang mengandaikan maksud kebaikan pada pandangan beliau. Justeru, McCarty (2009: 229) mengatakan bahawa Kant tidak mendefinisikan baik atau buruk. Walaupun demikian, Engstrom (2004: 289) cuba membayangkan maksud baik dengan mengatakan bahawa Kant menggunakan perkataan *strength* (kekuatan) pada seseorang yang melakukan kebaikan dan keburukan kerana kekuatan merupakan moral insentif dalam perlakuan. Mengambil pandangan Engstromini, Wood (2008: 144) mengemukakan definisi Kant (1991: 380) terhadap kebaikan iaitu “*virtue*” as “*moral strength of will,*” or “*the moral strength of a human being’s will in fulfilling his duty, a moral constraint through his own lawgiving reason insofar as this constitutes itself an authority executing the law*”.

Kant mengatakan baik dan buruk adalah bersama dengan penilaian merit. Beliau menjelaskannya sebagai hasil dari perbuatan mempunyai baik atau buruk. Jikalau tiada perbuatan maka hasil seperti meninggalkan perbuatan yang baik, tidak diperhitungkan (iaitu tiada merit). Manakala hasil perbuatan yang baik mempunyai merit, dan hasil perbuatan buruk, dapat diperhitungkan kepada subjek sebagai salah (Kant, 1991: 53). Malah, keburukan (*vice/vitium*) dianggap perbuatan yang bertentangan dengan tugas tersebut yang dinamakan pelanggaran (*transgression/peccatum*) (Kant, 2008b: 33). Kant mengemukakan formula mengenai kebaikan dan keburukan adalah sebagaimana berikut: + a = kebaikan, - a = kejahatan dan 0 = kurang kebaikan. Kant menyebut formula ini dengan menunjukkan bahawa kejahatan adalah bertentangan dengan kebaikan. Manakala kurang kebaikan tidaklah bertentangan dengan kebaikan (Kant, 2008b: 21, 32). Ini menunjukkan bahawa kebaikan dan keburukan memerlukan pemahaman minda yang besar bukan sekadar kekurangan kebaikan. Bahkan kekurangan kebaikan bukanlah kejahatan. Begitu juga, Kant menolak bentuk kebaikan tidak termasuk kebiasaan seseorang terhadap kebaikan (Kant, 2008b: 21, 33). Justeru, dengan penilai sebegini dapat menunjukkan kesempurnaan moral diberikan merit yang menjadi layak ganjaran dan balasan tanpa melihat matlamat akhir yang dia dapat diberi anugerah dengan sendirinya (Kant, 2008b: 55).

Kant menyatakan konsep baik dan jahat hendaklah hanya ditentukan oleh undang-undang moral. Justeru, konsep ini haruslah menjadi dasar untuk undang-undang moral. Bagi Kant, perkara yang menjadi keutamaan adalah mengetahui dan menganalisis konsep-konsep baik dan jahat ini berdasarkan undang-undang moral dengan menghapuskan pemahaman berbentuk empirikal (Kant, 1997: 54-56). Kant menjelaskan beberapa pemahaman konsep baik dan jahat dengan menggunakan konsep yang empirikal seperti konsep kebahagiaan yang lahir dari kehendak yang ditentukan oleh cinta-diri. Hal ini mungkin tepat dengan undang-undang universal alam dan sesuai dengan moral tetapi undang-undang moral tidak dapat dikenali dengan cara sebegini (Kant, 1997: 61). Jadi, konsep baik dan jahat adalah berdasarkan undang-undang moral bukan berdasarkan kebahagiaan semata-mata.

## Konsep *Duty* (Tugas)

Konsep “*duty*” [Pflicht] mempunyai kedudukan yang besar dalam falsafah moral Kant. Menurut Kant (2008b: 13), tugas (*duty*) ini adalah merupakan konsep etika dalam zaman kuno yang mentakrifkan falsafah moral yang juga dipanggil doktrin tugas. Kemudian dianjurkan untuk mengehadkan nama ini ke bahagian dari falsafah moral, yang dinamakan doktrin tugas-tugas yang tidak tunduk pada undang-undang luaran (dalam bahasa Jerman disenaraikan sebagai *Tugendlehre*).

Tambahan pula, istilah “*duty*” ini dan pemikiran Kant menurut Caygill (2000: 164) dan Goldmann (1971: 46) merujuk kepada falsafah Stoic yang meletakkan ketinggian kebaikan (*highest good*) sebagai kriteria penting bagi perbuatan yang beretika hendaklah bersama perbuatan yang benar atau perbuatan menurut alasan yang benar. Kebenaran perbuatan sangat berkaitan kecenderungan pelaku bukan akibat perbuatan. Kecenderungan yang tepat mengandungi perbuatan berdasarkan tugas-tugas yang diletakkan oleh alasan sejagat dan akibat-akibat tertentu. Kedua-dua makna kebenaran kecenderungan dan akibat perbuatan ini adalah makna yang berkaitan dengan tanggungjawab. Justeru, Firestone & Jacob (2008: 49) mengatakan bahawa tanggungjawab manusia dan kewajiban dalam pemikiran Kant diambil dari falsafah Stoic.

Tujuan Kant mengemukakan konsep tugas adalah kerana menolak tanggapan bahawa perbuatan baik hanya digerakkan dengan dorongan cinta-diri (ego) dan berpura-pura dengan idea baik yang menghubungkan dengan motif mulia. Justeru, konsep ini adalah insentif Kant bagi membongkar pemeriksaan diri yang paling ketat (Kant, 2008a: 19-20). Bahkan, tugas menurut Kant adalah berkait rapat dengan undang-undang moral yang membicarakan soal kebebasan dan alasan praktikal yang mempunyai kedudukan dalaman manusia sebagai insan yang berautoriti terhadap mengiakan atau menafikan undang-undang moral ini (Kant, 1997: 70).

## Priori Menjustifikasikan Perbuatan Baik dan Buruk

Penggunaan konsep “*priori*” dalam falsafah moral Kant menjadi buah mulut para pengkaji karyanya. Caygill (2000: 342) dan Limnatis (2008: 15-16) mengatakan bahawa “*priori*” adalah digunakan seiring dengan konsep “*pure*”. Sebagai contoh, konsep dan intuitif yang *priori* adalah “*pure*” kerana kewujudan “*priori*”. Rescher (1973: 84) dan Dicker (2004: 5) pula menjelaskan bahawa Kant mengatakan bahawa sesuatu prinsip yang mencapai rasional dianggap sebagai “*priori*”. Rescher (1973: xiv) dan Dicker (2004: xii, 7) juga menyebut bahawa orientasi tahap *priori* adalah bagi membezakan *posteriori*. *Priori* bermakna pengetahuan yang sudah dipisahkan dari pengalaman (dari pancaindera). Manakala *posteriori* adalah pengetahuan berasaskan pengalaman. Justeru, Deleuze (1984: 5) meletakkan definisi *priori* adalah bebas dari pengalaman. Namun, *priori* hendaklah bersifat kesejagatan dan keperluan.

Dicker (2004: xii, 8, 9) mengatakan bahawa tujuan Kant menumpukan kepada pengetahuan yang *priori* bukan kognitif yang *priori* kerana *priori* adalah ilmu pasti sebagaimana hasil satu campur satu adalah dua ( $1+1=2$ ). Oleh kerana itu, Dicker (2004: 9), Guyer (2008: 13) dan Hanna (2006: vii, 20) mengatakan bentuk *priori* terbahagi kepada analisis *priori* (*priori* berbentuk analisis) dan sintesis *priori* (*priori* berbentuk menghukum). Menurut Dicker (2004: 17) dan Hanna (2006: 3), pendekatan Kant terhadap *priori* ini bagi mengetengahkan kaedah rasionalisme (pandangan berasaskan rasional) dan menentang *empiricism* (pandangan berasaskan pengulangan atau pengalaman). Manakala Limnatis (2008: 27) pula berpandangan bahawa Kant menggunakan konsep *priori* kerana ingin membentuk idealisme dalam ontologi dan metafizik. Justeru, Deleuze (1984: 5) mengistilahkan *priori* dengan istilah “*the theoretical sciences of reason*”.

McCarty (2009: 14) dan Delauze (1984: 5) bersepakat bahawa Kant meletakkan kefahaman pada kedudukan yang tinggi dan semua berasaskan pancaindera adalah rendah. Cara Kant berfikir adalah fakulti tertinggi meletakkan undang-undang *priori*. Namun, McCarty (2009: 14) tidak bersetuju pandangan Delauze (1984: 5, 6, 46) memasukkan *priori* dalam fakulti keinginan dan perasaan. Walaupun demikian, *priori* dalam moral sangat diperlukan. Crowther (2010: 67, 98) dan Deleuze (1984: 36) mengatakan *priori* diperlukan bagi menjustifikasi terhadap moral dan mencari matlamat akhir bagi manusia. Oleh kerana itu, Hanna (2006: 2) menggunakan istilah “*a priori moral science*” bagi mengetengahkan konsep moral Kant yang bersandarkan *priori*.

Bersandarkan kepada konsep *priori*, Kant mengatakan fakulti kefahaman (*cognition*) dari prinsip *priori* disebut alasan murni *pure reason*. Kajian mengenai kemungkinannya dan sekatan-sekatan umum disebut kritik dari alasan murni *critique of pure reason* (Kant, 2002: 55). Dalam undang-undang moral, manusia perlu melihat dan memiliki dasar *priori* bagi meneruskan perbuatan. Sebaliknya, jikalau hanya bersandarkan penilaian pengalaman akan hanya membiarkan dirinya sesat bagi melakukan sesuatu dari sumber prinsip moral serta mendapat risiko paling berat dan paling merosakkan (Kant, 1991: 43). Melalui kewujudan sesuatu undang-undang ini, pemahaman yang murni yang disebut rasional adalah praktikal. Kemudian, alasan praktikal yang murni diberikan suatu *priori* dalam undang-undang moral, seolah-olah ia adalah dari fakta sehingga kita dapat menghubungi penetapan keinginan yang tidak dapat dihindari (Kant, 1997: 48).

Justeru, Kant mengetengahkan *priori* dalam menentukan kebaikan dan kejahatan. Menurut Kant, melalui alasan bersendirian dan konsep-konsep yang universal dapat menilai kebaikan dan kejahatan. Bukan melalui perasaan yang membatasi subjek individu dan membatasi penerimaan mereka. Alasan ini hendaklah sentiasa dihubungkan dengan *priori*. Maka seorang ahli falsafah yang percaya bahawa ia harus menempatkan perasaan kesenangan dalam dasar penilaiannya yang praktikal akan harus memanggilnya baik yang merupakan maksud untuk menyenangkan, dan jahat yang merupakan penyebab dari ketidaksetujuan dan rasa sakit. Walaupun alasan bersendirian, ia mampu membezakan hubungan dari makna dengan tujuan sehingga ia dapat didefinisikan sebagai fakulti akhir (Kant, 1997: 51).

## Kedudukan Agama Berbanding Akal Rasional

Terdapat pertikaian mengenai pandangan Kant terhadap agama Kristian. Palmquist (2000: 3) melaporkan bahawa Kant digambarkan pemusnah setiap falsafah ketuhanan kerana mempertikaikan teologi memberi ilmu ketuhanan dan Kant menyarankan agar teologis dipinggirkan. Kant juga digambarkan sebagai pemusnah *supernaturalist orthodoxy* dan karya Kant iaitu "*Critique of Pure Reason*" adalah tulisan anti-metafizik. Tambahan pula, ahli falsafah tersohor zamannya iaitu Mendelssohn (1729-1786) telah melabelkan Kant sebagai pemusnah segala-galanya (*all destroyer*). Oleh sebab itu, Palmquist (2000: 11) mengatakan bahawa Kant menjawab tuduhan secara terbuka dan berulang kali bahawa "Di sana ada Tuhan" sebagai "paling penting bagi kognitif kita". Malah, Firestone & Palmquist (2006: 4) mengatakan falsafah transenden Kant terbahagi kepada dua cabang iaitu metafizik alam (*metaphysic of nature*) dan metafizik moral atau falsafah alam dan falsafah moral.

Webb (1926: 12), Palmquist (2000: 73), Firestone & Palmquist (2006: 86) dan Firestone & Jacobs (2008: 36, 77, 212) mengatakan Kant adalah *Deist* yang menolak penghujahan sejarah wahyu dan hanya kewujudan Tuhan sahaja dapat memastikan alasan semula jadi. Justeru, Palmquist (2000: 3) mengatakan bahawa Kant sebenarnya merupakan teologis yang mempertahankan kewujudan Tuhan melalui penghujahan moral dan *psysicotheological*. Webb (1926: 26, 53) pula mengatakan penghujahan ketuhanan Kant juga bagi mengharmonikan dengan pandangan naturalis seperti pandangan Newtonian (para pengikut pemikiran Isaac Newton) yang menafsirkan alam secara materialisme iaitu undang-undang alam semula jadi tanpa Pencipta. Justeru, Kant perlu memperakui kelebihan dan maksud-maksud sains alam yang perlu dikaitkan dengan penciptaan.

Menurut Immanuel Kant, ada empat cara bagi memahami agama sebagai kepercayaan iaitu cara pertama: Rasionalis yang menerima maksud agama semula jadi adalah diperlukan secara moral sebagai sebuah tugas. Cara kedua: *Naturalist* iaitu jika dia menyangkal realiti setiap wahyu Ilahi yang luar biasa. Cara ketiga: *Pure rationalist* (rationalis murni) iaitu jika dia menerima wahyu ini, namun mendakwa bahawa untuk mengambil kesedarannya tetapi tidak selalu agama diperlukan. Cara keempat: *Supernaturalist* iaitu jika dipercayai bahawa kepercayaan dalam wahyu Ilahi diperlukan untuk universal agama (Kant, 1998: 154).

Firestone & Palmquist (2006: 42) dan Firestone & Jacobs (2008: 78) mengatakan bahawa Kant adalah *rationalist* kerana menentang keajaiban wahyu padahal Kant menolak *pure rationalis* dan *supernaturalist* dalam masa yang sama. Oleh sebab itu, Giovanni (2005: 202) mengatakan pembahagian seseorang kepada *rationalist*, *naturalist*, *pure rationalis* dan *supernaturalis* adalah berdasarkan pandangan seseorang terhadap tugas dan wahyu Tuhan. Pandangan Giovanni ini bermaksud *naturalist* hanya menerima tugas

dan menolak wahyu Tuhan, *prerationalis* menerima tugas dan tidak mengendahkan wahyu Tuhan, *supernaturalis* menerima wahyu Tuhan tanpa rasional. Tugas dan *rationalis* adalah menerima tugas dan wahyu secara bersama.

Justeru, Kant memilih cara yang pertama iaitu cara rasionalis dengan beranggapan bahawa agama adalah secara subjektif dianggap pengakuan semua tugas-tugas sebagai perintah-perintah Tuhan. Sesuatu yang kita perlu tahu mengenai agama ini adalah perintah Tuhan ini merupakan tugas dan agama yang semula jadi (*natural*) (Kant, 1998: 153). Beliau turut mengkritik agama yang tidak memiliki kesan pada sesuatu semula jadi iaitu etika baik dan mendakwa ia merupakan agama tahyul. Ia menjadi tahyul kerana khayalan ingin menjadi disukai dan yang diredhai kepada Tuhan melalui perbuatan-perbuatan yang setiap manusia boleh lakukan tanpa perlu menjadi manusia baik (Kant, 1998: 170).

### Baik dan Buruk Ditentukan oleh Agama

Kant mengemukakan kewajaran moral agama melalui konsep “kebaikan tertinggi” (*highest good*). Firestone & Palmquist (2006: 76) mengatakan bahawa Kant beranggapan kebaikan tertinggi ini boleh menjadi insentif dan mengharap ganjaran syurga. Bagi menjelaskan kebaikan tertinggi ini, Wood (1970: 25, 62, 69) mengatakan bahawa Kant mengemukakan hanya satu tujuan akhir iaitu kebaikan tertinggi yang tidak boleh dipisahkan dari undang-undang moral. Tujuan akhir ini tidak dapat diketepikan dari undang-undang moral yang disifatkan suatu keperluan. Oleh itu, konsep kebaikan tertinggi ini tidak dapat dipisahkan dari kebahagiaan seperti diperkatakan oleh pengkaji karya Kant iaitu Axinn (1994: 67), Firestone & Palmquist (2006: 68, 71), Giovanni 2005: 182-183) dan Wood (1970: 84) yang menyebut bahawa pandangan Kant terhadap kebaikan tertinggi mempunyai dua elemen iaitu kebahagiaan dan kemoralan. Bahkan Axinn (1994: 68) mengatakan Kant menyeru kepada kebahagiaan menjadi sebahagian daripada kemoralan. Ini tidaklah bermakna Kant menerima pandangan *Eudaemonist* (golongan yang bermatlamatkan kebahagiaan semata-mata) kerana Ray (2003: 20-21) dan Wood (1970: 38) mengatakan bahawa Kant meletakkan kebaikan sebagai dasar yang diberi ganjaran kebahagiaan yang diingini. Malah, Wood (1970: 39, 50) mengatakan konsep kebaikan tertinggi ini tidak bercanggah dari konsep tugas. Begitu juga Firestone & Jacobs (2008: 201) mengatakan Kant memahami kebaikan tertinggi bagi berhadapan dengan pemahaman sekular yang anti agama terhadap konsep kebahagiaan.

Kant mendakwa bahawa agama buat kali pertama mempromosikan kebaikan tertinggi menjadi doktrin etika yang juga dipanggil doktrin kebahagiaan. Ini adalah kerana agama mengemukakan harapan kebahagiaan yang pertama kali muncul. Konsep kebaikan tertinggi akan menambahkan keinginan-keinginan kepada manusia mengenai keadaan yang layak mendapat kebahagiaan iaitu keadaan mengikut undang-undang moral agar sesuai dengan standard yang diharapkan (Kant, 1997: 109). Menurut Kant lagi, kebaikan tertinggi adalah diambil dari kewujudan Tuhan kerana tugas mempromosikan kebaikan tertinggi dari Tuhan. Dengan surat perintah, ia dapat memenuhi keperluan tugas yang mengandaikan kemungkinan kebaikan tertinggi. Ini juga menunjukkan keperluan secara moral adalah hujah kewujudan Tuhan dan moral itu merupakan tugas. Justeru, Tuhan juga adalah asas kepada semua kewajiban secara umum dan tugas berusaha untuk menghasilkan dan mempromosikan kebaikan yang tertinggi di dunia. Dengan ini, ia menunjukkan kewujudan pengetahuan agung yang berhubung dengan kesedaran tugas tanpa mengetepikan pengetahuan ini yang juga merupakan alasan rasional. Ini bermakna, pengetahuan yang diadun dengan rasional adalah kepercayaan rasional (Kant, 1997: 105)

Kant (1997: 107) mendakwa bahawa doktrin Kristian menyediakan bagi kesempurnaan moral dengan kebaikan tertinggi sebagai wakil dunia di mana manusia yang rasional mengabdikan diri dengan jiwa mereka kepada seluruh undang-undang moral sebagai kerajaan Tuhan melalui seorang penulis suci yang memungkinkan kebaikan tertinggi diambil. Cara doktrin ini adalah melalui kesucian moral sebagai peraturan dalam kehidupan ini. Begitu juga doktrin ini menyediakan objek harapan kebahagiaan yang tidak dapat tercapai sama sekali di dunia ini. Namun demikian, prinsip Kristian itu sendiri adalah autonomi yang merupakan dasar undang-undang moral yang mewalikili dari tugas. Beliau berhujah undang-undang ini dapat mencapai subjek kebaikan tertinggi dengan syarat undang-undang moral ini dapat diperlihora.

Justeru, undang-undang moral adalah memimpin melalui konsep kebaikan tertinggi, sebagai objek dan matlamat akhir dari alasan praktikal yang murni. Manakala agama pula menjurus kepada pemahaman kepada semua tugas sebagai perintah Tuhan, yang mesti tetap dianggap sebagai perintah yang Maha Tinggi kerana hanya dari suatu kehendak yang secara moral adalah sempurna (kudus dan pemurah) dan pada saat yang sama Maha Berkuasa (Kant, 1997: 107-108).

## **Mengharmonikan Agama dengan Undang-Undang Moral**

Jikalau pandangan Kant mengenai moral agama dibandingkan dengan akal rasional bagi menjustifikasikan baik dan buruk, maka terdapat percanggahan dari sudut aplikasi kaedah rasional. Falsafah moral Kant dari sudut akal menjadikan asas moral bersyaratkan bentuk tugas dalam diri yang bukan undang-undang luaran dan bentuk "*priori*" iaitu bersandarkan rasional yang bukan dari "*posteriori*" yang berasal dari pengulangan dan pengalaman. Sedangkan agama pula bukanlah menjadikan tugas sebagai asal, mengikut undang-undang luaran iaitu peraturan agama yang ditetapkan dan lebih cenderung kepada pengulangan dan pengalaman beragama bukan berasaskan rasional.

Namun, para pengkaji karya-karya Kant menolak percanggahan ini kerana asas kebaikan tertinggi ini juga berteraskan rasional dalam pemikiran Kant yang meletakkan kebahagiaan dan kebaikan tertinggi adalah berasaskan rasional dan alasan yang praktikal bagi penjelasan moral yang mendalam (Wood, 1970: 25, 31, 84 dan Firestone & Jacobs 2008: 75). Tujuan kebaikan tertinggi ini sebagaimana Ray (2003: 20), Palmquist (2000: 448) dan Wood (1970: 97, 106) mengatakan bahawa kebaikan tertinggi adalah kesempurnaan kebahagiaan moral yang mempedulikan keperluan kebahagiaan sebagai syarat moral. Axinn (1994: 71) menjelaskan kebaikan tertinggi ini merupakan kemoralan yang para pemimpin dapat memimpin rakyat. Malah, Axinn (1994: 99) dan Firestone & Jacobs (2008: 199) mengatakan kebaikan tertinggi adalah kebaikan sosial yang menyediakan objektif keinginan moral terhadap kebahagiaan dapat dicapai melalui undang-undang moral.

Asas penghujahan Kant dalam mengetengahkan kebaikan tertinggi adalah rasional dan agama. Wood (1970: 38) menjelaskan penghujahan moral di sisi Kant menggunakan dua penghujahan penting iaitu ketaatan kepada undang-undang moral yang membawa kepada kebaikan tertinggi, dan kebaikan tertinggi ini dapat dicapai melalui perakuan kewujudan Tuhan. Palmquist (2000: 385) dan Firestone & Jacobs (2008: 41) mengatakan idea Kant ini adalah bertepatan dengan metafizik Kristian. Justeru, persoalan mengenai kebaikan tertinggi tiada faedah kepada orang yang tidak mempercayainya. Firestone & Palmquist (2006: 69), Firestone & Jacobs (2008: 76), Ferreira (2000: 75) dan Wood (1970: 84, 95) pula mengatakan bahawa Kant mengemukakan teori kebaikan tertinggi adalah bertepatan dengan agama yang memperakui kesemua tugas dan arahan tuhan. Malah, Webb (1926: 68) dan Firestone & Palmquist (2006: 70) mengatakan kaedah Kant adalah menegaskan keperluan penegasan kepercayaan (*assertoric faith*) dengan berteraskan kepada kebaikan tertinggi. Ini menjadikan bahawa kemoralan dari Tuhan sahajalah merupakan agama yang terbaik yang memiliki semua. Ia menjadikan kebaikan adalah objektif agama.

Oleh yang demikian, asas kebaikan tertinggi ini bagi mengukuhkan teori moral beragama. Palmquist (2000: 104 112, 121), Firestone & Palmquist (2006: 72), Firestone & Jacobs (2008: 58, 82, 139, 207-209) dan Hare (2000: 271) menyebut bahawa Kant merujuk kepada moral teologi dengan beranggap Tuhan adalah sebagai kebaikan tertinggi dan merupakan tujuan terakhir dan tahap tertinggi manusia. Wood (1970: 32) Palmquist (2000: 75) Firestone & Jacobs (2008: 55) dan Ferreira (2000: 75) menegaskan bahawa Kant sangat bergantung kepada penghujahan kewujudan Tuhan bagi mengukuhkan kebaikan tertinggi.

Begitu juga, implikasi kebaikan tertinggi ini meliputi kemoralan agama. Wood (1970: 30), Firestone & Jacobs (2008: 56) dan Hare (2000: 271) menjelaskan bahawa tujuan Kant mengaitkan dengan penghujahan ketuhanan adalah bagi menyandarkan pencapaian kemoralan manusia dapat dicapai melalui kebaikan tertinggi. Justeru, Kant mempunyai dua pandangan bagi penjelasan kemoralan iaitu pandangan moral dan penjelasan agama sebagai asas rasional yang mendasari kepercayaan. Firestone & Jacobs (2008: 78) pula menyatakan bahawa Kant percaya kebaikan tertinggi ini yang terhasil dari agama

dapat menyelesaikan masalah kelemahan jiwa manusia yang perlu memperakui kedudukan kebaikan, pencapaian kebaikan tertinggi dan keseimbangan rasional moral. Sebaliknya, Firestone & Palmquist (2006: 64) dan Firestone & Jacobs (2008: 59) mengatakan bahawa Kant mentafsirkan bagi seseorang hendaklah menjadi baik tanpa kepercayaan adalah mustahil dan menghasilkan dilema. Dilema yang dimaksudkan adalah menjauhi kesilapan dan mencapai kebaikan tertinggi. Bahkan akan berakhir dengan kekecewaan moral yang akan menyebabkan seseorang akan korup dari segi individu dan kemasyarakatan.

Berdasarkan kepada penjelasan-penjelasan di atas, moral agama di sisi Kant hanya perlu selaras dengan teras rasional. Bahkan, matlamat kebahagiaan berdasarkan kebaikan tertinggi ini hendaklah menepati rasional dan undang-undang moral yang meliputi tugas dan arahan Tuhan. Kebaikan tertinggi juga dapat mengukuhkan teori moral beragama, dapat memberi implikasi terhadap pencapaian kemoralan manusia dan dapat menyelesaikan masalah kejahatan moral. Ini menunjukkan, penentuan agama terhadap kebaikan dan keburukan tidak perlu kepada menepati syarat tugas dan priori sebagaimana Kant mensyaratkan tugas dan priori adalah keperluan bagi moral rasional.

## Kesimpulan

Pemikiran moral Kant bersandarkan kepada rasional yang menjadi asas bagi mengenali undang-undang moral. Justeru, penaklukan akal terhadap moral dan kemoralan agama hendaklah selaras dengan undang-undang moral yang universal. Kant menggunakan dua bentuk kayu ukur untuk menilai justifikasi baik dan buruk. Bentuk pertama hendaklah meletakkan syarat menepati tugas dan priori yang diguna pakai terhadap kemoralan rasional. Manakala bentuk kedua pula tidak meletakkan syarat menepati tugas dan priori yang hanya cukup dengan syarat menepati rasional dan undang-undang moral. Bentuk kedua ini digunapakai terhadap kemoralan beragama. Begitu juga, Kant menolak bentuk pencapaian matlamat akhir seperti kebahagiaan sebagai penentu kemoralan rasional tetapi menerima pencapaian matlamat akhir sebagai penentu kemoralan beragama.

## Rujukan

- Axinn S. (1994). *The logic of hope: Extensions of Kant's view of religion*. Atlanta: Open court publishing company.
- Caygill H. (2000). *A Kant dictionary blackwell philosopher dictionaries*. Massachusetts: Blackwell publishers inc.
- Crowther P. (2010). *The kantian aesthetic: From knowledge to the Avant-garde*. New York: Oxford University Press.
- Deleuze G. (1984). *Kant's critical philosophy: The doctrine of the faculties*. London: The Athlone Press.
- Dicker G. (2004). *Kant's theory of knowledge: An analytical introduction*. New York: Oxford University Press.
- Engstrom S. (2004). The inner freedom of virtue. Dlm. *Kant's metaphysics of morals, interpretative essays*. New York: Oxford University Press.
- Ferreira M. F. (2000). Making room for Faith - possibility and hope. Dlm. *Kant and kierkegaard on religion*. Hlm. 73-88. London: MacMillan press LTD.
- Firestone C. L. & Jacob N. (2008). *In defence of Kant's religion*. Bloomington: Indiana University Press.
- Firestone C. L. & Palmquist S. R. (2006). *Kant and the new philosophy of religion*. Bloomington: Indiana University Press.
- Giovanni G. (2005). *Freedom and religion in Kant and his immediate successors: The vocation of Humankind 1774-1800*. New York: Cambridge University Press.
- Goldmann L. (1971). *Introduction to the philosophy of Kant*. London: Atlantic Highlands Humanities Press.
- Guyer P. (2008). *Knowledge, reason and taste: Kant's response to hume*. New Jersey: Princetone University Press.
- Hanna R. (2006). *Kant, science and human nature*. New York: Oxford University Press.
- Hare J. E. (2000). Kant's divine command theory and its reception within analytic philosophy. Dlm. *Kant and kierkegaard on religion*. Hlm. 263-277. London: MacMillan Press LTD.
- Kant I. (1991). *The metaphysics of morals*. Gregor M. J. (pnyt). New York: Cambridge University Press.
- Kant I. (1997). *Critique of practical reason*. Gregor M. J. (pnyt). New York: Cambridge University Press.
- Kant I. (1998). Religion within the boundaries of mere reason and other writings. Translated by wood a. & giovanni G. United Kingdom: Cambridge Universiti Press.
- Kant I. (2002). *Critique of judgement*. Guyer P. (pnyt). New York: Cambridge University Press.

- Kant I. (2008a). *Groundwork of the metaphysics of morals*. Terj. Mary Gregor. Cambridge, U.K.: Cambridge University Press.
- Kant I. (2008b). *The metaphysics element of ethics*. Trjmh. Abbott. T. K. Maryland: Manor Arc.
- Limnatis N. G. (2008). *German idealism and the problem of knowledge: Kant, fichte, schelling and hegel*. New York: Springer.
- McCarty R. (2009). *Kant's theory of action*. New York: Oxford University Press.
- Palmquist S. R. (2000). *Kant's critical religion*. Aldenshot: Ashgate Publishing Limited.
- Ray M. A. (2003). *Subjectivity and irreligion: Atheism and agnosticism in kant, schopenhauer and nietzsche*. Burlington: Ashgate Publishing Company.
- Rescher N. (1973). *The primacy of practice: Essays towards a pragmatically kantian theory of empirical knowledge*. London: Basil Blackwell.
- Webb C. C. J. (1926). *Kant's philosophy of religion*. London: Clarendon Press.
- Wood A. (1970). *Kant's moral religion*. New York: Cornell University Press.
- Wood A. (2008). *Kantian ethics*. New York: Cambridge University Press.